

TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI DIDENDA RM 90,000.00 DI MAHKAMAH SESYEN, MELAKA

12 April 2023, MELAKA - Sebuah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari, Greenviro Solutions Sdn. Bhd. telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen, Melaka pada hari ini.

Pihak premis telah mengaku bersalah di atas enam (6) pertuduhan dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan dijatuhkan hukuman denda dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 90,000.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka memandang serius sebarang jenis pencemaran alam sekitar dan semoga kes ini dapat menjadi iktibar dan contoh tauladan kepada penjenayah alam sekitar diluar sana. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama